



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PENGURUSAN E-WASTE DAN PENCEGAHAN JEREBU DIPERKUKUH DI PERINGKAT DOMESTIK DAN ANTARABANGSA

Dalam era teknologi masa kini, sisa elektrik dan elektronik atau **e-waste** semakin meningkat sejajar dengan penggunaan peralatan digital yang meluas. Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS) dari 1 Januari 2021 sehingga 30 Jun 2025, jumlah keseluruhan e-waste yang telah diproses oleh premis berlesen di bawah JAS adalah sebanyak **536,709.04 metrik tan (MT)** di seluruh negara.

Sekiranya e-waste tidak diurus dengan baik dan dibuang sewenang-wenangnya, ia boleh memberi implikasi besar terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar. Sehubungan itu, JAS telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan pengurusan e-waste, antaranya:

1. **Memperluaskan fasiliti pemerolehan kembali e-waste berlesen** – Sehingga kini terdapat **128 fasiliti** pemerolehan kembali di seluruh negara.
2. **Memperkasa kempen kesedaran awam** untuk menggalakkan pelupusan peralatan elektrik terpakai secara selamat.
3. **Meningkatkan penguatkuasaan terhadap pengurusan e-waste tidak berlesen** melalui dua operasi khas (Ops Hazard) yang telah dijalankan, dengan **351 tindakan undang-undang** diambil di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

JAS menyeru masyarakat dan pihak industri agar bertanggungjawab dalam menguruskan e-waste secara mesra alam dengan menyalurkannya ke fasiliti pemerolehan kembali yang sah.

Selain itu, isu jerebu turut menjadi fokus utama kerana ia turut memberi impak kesihatan yang serius kepada masyarakat. JAS sentiasa memantau bacaan **Indeks Pencemar Udara (IPU)** melalui **68 stesen pemantauan kualiti udara** di seluruh negara setiap jam bagi tempoh 24 jam sehari melalui **Pusat Data Kualiti Alam Sekitar (EDC)** di Putrajaya.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia terus bekerjasama dengan negara-negara jiran melalui **ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution** bagi menyelaraskan tindakan pencegahan dan mitigasi kebakaran tanah serta hutan di rantau ini. Melalui platform ini, Malaysia turut menyuarakan pelbagai cadangan dan inisiatif kepada negara jiran untuk membanteras isu kebakaran terbuka yang boleh menyebabkan jerebu merentas sempadan.

Di peringkat domestik, pelbagai tindakan turut dilaksanakan dengan segera termasuk:

- **Penguatkuasaan undang-undang dan rondaan di kawasan panas (hotspot)**
- **Pemadaman kebakaran terbuka bersama agensi berkaitan**
- **Perwakilan kuasa kepada 13 agensi lain** yang telah diwartakan pada 7 Julai 2025 dan berkuat kuasa pada 8 Julai 2025 bagi memperkukuh pendekatan **Whole of Government**. Langkah ini merupakan inisiatif strategik bagi memperkukuh pelaksanaan tindakan penguatkuasaan di lapangan, terutamanya dalam menangani isu pembakaran terbuka yang menyumbang kepada situasi jerebu. Perwakilan kuasa ini membolehkan tindakan segera, bersepadu dan lebih menyeluruh dapat dilaksanakan dengan pantas oleh agensi-agensi berkaitan.
- Sebagai langkah kesiapsiagaan dan penyelarasan yang lebih komprehensif, Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan turut telah diaktifkan sejak 26 Februari 2025 **bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara**. Selain itu, kerjasama rondaan dan pemantauan turut dijalankan bersama agensi rakan strategik seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan agensi penguatkuasaan lain di peringkat negeri dan daerah.

Sehingga 30 Julai 2025, JAS telah melaksanakan:

- **4,247 rondaan darat**
- **859 penerbangan dron** untuk memantau aktiviti pembakaran terbuka
- **58 Notis Arahan, 27 tindakan mahkamah** dan **59 kompaun** dikenakan terhadap pihak yang melakukan kesalahan berkaitan pembakaran terbuka.

JAS menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan segera melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan melalui talian bebas tol 1-800-88-2727.

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
31 JULAI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763